



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 60
No. 18

7hb September 2017

*TAMBAHAN No. 8
PERUNDANGAN*

Ps. P.U. 10.

ENAKMEN MINERAL 2002

PERATURAN-PERATURAN MINERAL (PERLIS) 2017

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuatkuasa

BAHAGIAN II

PEMINDAHMILIKAN, PELESENAN DAN PEMAJAKAN TENEMEN MINERAL

Bab 1—Pemindahmilikan Tenemen Mineral

2. Permohonan pemindahmilikan tenemen mineral
3. Kelulusan
4. Fi pemindahmilikan

Peraturan

Bab 2—Lesen Memfosik

5. Tafsiran
6. Kelayakan
7. Permohonan lesen memfosik
8. Kelulusan
9. Fi pengeluaran
10. Syarat-syarat
11. Penyerahan dan pembatalan

Bab 3—Lesen Mendulang

12. Permohonan lesen mendulang
13. Kelulusan
14. Fi pengeluaran
15. Syarat-syarat
16. Penyerahan dan pembatalan

Bab 4—Lesen Melombong Individu

17. Permohonan lesen melombong individu
18. Kelulusan
19. Fi pengeluaran
20. Syarat-syarat
21. Penyerahan dan pembatalan

Bab 5—Lesen Mencarigali Dan Lesen Penjelajahan

22. Peta Rasmi Tenemen Mineral dan Sistem Grid Berangka
23. Sempadan
24. Kawasan lesen mencarigali
25. Kawasan lesen penjelajahan

Peraturan

26. Permohonan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan
27. Kelulusan
28. Fi pengeluaran
29. Syarat lesen mencarigali
30. Syarat lesen penjelajahan
31. Syarat berkanun lesen mencarigali atau lesen penjelajahan
32. Permohonan pembaharuan
33. Kelulusan
34. Permohonan lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras
35. Kelulusan
36. Syarat lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras
37. Fi pembaharuan atau peluasan
38. Pelepasan sukarela
39. Notis bagi penjelajahan lapangan
40. Penyerahan

Bab 6—Pajakan Melombong

41. Permohonan pajakan melombong
42. Kelulusan
43. Penukaran skala besar kepada skala kecil dan sebaliknya
44. Fi pengeluaran
45. Pembaharuan pajakan melombong
46. Syarat berkanun pajakan melombong
47. Kelulusan
48. Notis
49. Penyerahan pajakan melombong

Peraturan

Bab 7—Lesen Melombong Tuan Punya

50. Permohonan lesen melombong tuan punya
51. Kelulusan
52. Fi pengeluaran
53. Pembaharuan lesen melombong tuan punya
54. Notis
55. Penyerahan lesen melombong tuan punya

BAHAGIAN III

PAMPASAN

56. Permohonan pampasan
57. Penentuan amaun pampasan yang kena dibayar

BAHAGIAN IV

OBLIGASI KEWANGAN

58. Kadar fi pegangan dan sewa
59. Pembayaran fi pegangan dan sewa
60. Kadar royalti
61. Penentuan nilai pasaran mineral
62. Pembayaran royalti
63. Notis tuntutan tunggakan sewa, fi dan royalti

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN MENGENAI AIR

64. Permohonan lesen air
65. Kelulusan
66. Fi pengeluaran
67. Permohonan permit air

Peraturan

68. Kelulusan
69. Fi pengeluaran
70. Permohonan pembaharuan permit air
71. Kelulusan
72. Notis untuk meremedikan kemungkirian atau pelanggaran
73. Permohonan pampasan
74. Penentuan pampasan
75. Permohonan untuk mengubah atau mengganggu tebing sungai
76. Permohonan untuk mengubah atau mengganggu anak sungai atau alur air yang lebarnya tidak melebihi lima meter
77. Standard air

BAHAGIAN VI

MEREKOD DAN PENDAFTARAN

78. Fi pengeluaran
79. Akuan penerimaan
80. Fi pemeriksaan

BAHAGIAN VII

PEMULIHAN

81. Notis tuntutan bagi sejumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Lombok
82. Pembayaran sejumlah wang tahunan ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama
83. Notis tuntutan bagi sejumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama

BAHAGIAN VIII

AM

84. Pergerakan bijih mineral
85. Kesalahan yang boleh dikompaun

Peraturan

86. Pemindahan kapal korek
87. Notis mengenai siasatan dan notis tambahan lain

| | | |
|----------------|---|--|
| JADUAL PERTAMA | — | Fi/Royalti |
| JADUAL KEDUA | — | Sistem Grid Berangka |
| JADUAL KETIGA | — | Borang |
| JADUAL KEEMPAT | — | Format |
| JADUAL KELIMA | — | Lesen Mencarigali: Keperluan Kerja Tahunan |
| JADUAL KEENAM | — | Lesen Penjelajahan: Keperluan Kerja Tahunan |

ENAKMEN MINERAL 2002**PERATURAN-PERATURAN MINERAL (PERLIS) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 188 Enakmen Mineral 2002 [*Enakmen Bil. 5 Tahun 2002*], Pihak Berkuasa Negeri Perlis membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I**PERMULAAN****Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan sebagai **Peraturan-Peraturan Mineral (Perlis) 2017**.
(2) Peraturan-peraturan ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 Januari 2017.

BAHAGIAN II**PEMINDAHMILIKAN, PELESENAN DAN PEMAJAKAN TENEMEN MINERAL****Bab 1—Pemindahmilikan Tenemen Mineral****Permohonan pemindahmilikan tenemen mineral**

2. (1) Sesuatu permohonan bagi pemindahmilikan suatu tenemen mineral di bawah subseksyen 19(1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 1 Jadual Ketiga.
(2) Fi yang kena dibayar untuk permohonan di bawah subperaturan (1) adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Kelulusan

3. Jika sesuatu permohonan di bawah peraturan 2 diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik tentang keputusan tersebut.

Fi pemindahmilikan

4. Fi yang kena dibayar di bawah perenggan 19(6)(a) Enakmen bagi pemindahmilikan suatu tenemen mineral selain pajakan melombong, adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Bab 2—Lesen Memfosik**Tafsiran**

5. Bagi tujuan Bab ini, “peralatan atau jentera” ertiinya apa-apa peralatan atau jentera yang dikendalikan secara mekanikal, hidraulik, pneumatik atau kuasa elektrik yang berupaya untuk menggali atau merobek permukaan atau subpermukaan; dan termasuk jentolak, pembajak, pengorek kaut, jentali, pam penyedut, kapal korek, jenkikis kabel, penyodok muka kerja, jentera angkut bahagian depan atau jentera angkut gantung, pengaup, pencekau, roda sauk, jenkaut, pengorek parit, penggred tanah dan peralatan lain atau jentera yang serupa.

Kelayakan

6. Suatu lesen memfosik tidak boleh diberikan kepada seseorang yang terlibat secara komersial sebagai tukang emas, lapidari, pengumpul mineral atau peniaga batu permata, batu separa bernilai atau mineral atau benda-benda lain yang serupa.

Permohonan lesen memfosik

7. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan suatu lesen memfosik di bawah subseksyen 21(2) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 2 Jadual Ketiga.

(2) Jika pemohon bercadang untuk memfosik dalam suatu kawasan yang termasuk di dalam mana-mana tanah berimilik, tanah pendudukan, tanah lombong, kawasan mencarigali atau penjelajahan, kebenaran bertulis daripada tuan punya, penerima pajak atau pemegang lesen hendaklah dilampirkan bersama-sama permohonan itu.

(3) Fi yang kena dibayar untuk permohonan di bawah subperaturan (1) adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Kelulusan

8. Pengarah boleh meluluskan atau menolak suatu pemohonan yang dibuat di bawah subperaturan 7(1) dalam tempoh dua puluh satu hari daripada tarikh penerimaan permohonan itu.

Fi pengeluaran

9. Fi yang kena dibayar di bawah subseksyen 21(5) Enakmen untuk pengeluaran suatu lesen memfosik adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Syarat-syarat

10. Sebagai tambahan kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan dalam Enakmen, atau sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen memfosik, pemegang lesen itu—

- (a) hendaklah memastikan bahawa tapak yang telah difosik ditinggalkan dalam keadaan bersih dan kemas dan apa-apa gangguan pada tanah dipulihkan secara semunasabunya kepada keadaan sebelumnya;
- (b) hendaklah memastikan bahawa tiada aliran keluar atau saliran daripada aktiviti memfosik yang dijalankan menghakis atau mencemar mana-mana tanah dan tiada gersik, kotoran, lumpur, sampah atau air daripada aktiviti itu menyebabkan kesulitan atau gangguan awam;
- (c) tidak boleh menggunakan apa-apa bahan letupan atau apa-apa peralatan atau jentera yang dikendalikan dengan kuasa;
- (d) hendaklah memastikan bahawa memfosik tidak mengganggu penggunaan atau tidak menghalang kenikmatan kawasan itu dirasai oleh orang lain;
- (e) hendaklah menghadkan pemindahan bahan dari kawasan itu tidak melebihi 50 kilogram, kecuali dengan kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah;
- (f) tidak boleh mengorek 1 meter daripada permukaan kecuali dengan kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah;
- (g) tidak boleh berada atau bekerja dalam, apa-apa syaf atau penggalian atau pada kedalaman melebihi 2 meter daripada permukaan kecuali dengan kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah; dan
- (h) tidak boleh membina apa-apa struktur kecuali dengan kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah.

Penyerahan dan pembatalan

11. (1) Lesen memfosik boleh diserahkan oleh pemegangnya kepada Pengarah untuk pembatalan pada bila-bila masa sebelum tamat tempohnya.

(2) Pengarah hendaklah memberitahu Pengarah Mineral dan Geosains Negeri dan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri tentang sebarang pembatalan suatu lesen memfosik di bawah subperaturan (1).

Bab 3—Lesen Mendulang

Permohonan lesen mendulang

12. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan suatu lesen mendulang di bawah subseksyen 28(2) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 3 Jadual Ketiga.

(2) Jika pemohon bercadang untuk mendulang dalam suatu kawasan yang termasuk di dalam mana-mana tanah berimilik, tanah pendudukan, tanah lombong, kawasan mencarigali atau penjelajahan, kebenaran bertulis daripada tuan punya penerima pajak atau pemegang lesen hendaklah dilampirkan bersama-sama permohonan itu.

(3) Fi yang kena dibayar untuk permohonan di bawah subperaturan (1) adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Kelulusan

13. Pengarah boleh melulus atau menolak permohonan yang dibuat di bawah subperaturan 12(1) dalam tempoh dua puluh satu hari daripada tarikh penerimaan permohonan.

Fi pengeluaran

14. Fi yang kena dibayar di bawah subseksyen 28(5) Enakmen untuk pengeluaran suatu lesen mendulang adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Syarat-syarat

15. Sebagai tambahan kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan dalam Enakmen, atau sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen mendulang, pemegang lesen itu—

- (a) hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga dan menggunakan peralatan perlindungan peribadi yang bersesuaian dengan bahaya rupa bumi;
- (b) tidak boleh menggali parit atau lubang lebih 1 meter daripada permukaan kecuali dengan kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah;
- (c) tidak boleh memasuki kawasan-kawasan kerja lombong lama;
- (d) tidak boleh bekerja selepas senja kecuali dengan kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah;
- (e) tidak boleh membina apa-apa struktur kecuali dengan kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah; dan
- (f) tidak boleh menggunakan apa-apa bahan kimia yang merosakkan tumbuhan dan manusia kecuali dengan kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah.

Penyerahan dan pembatalan

16. (1) Lesen mendulang boleh diserahkan oleh pemegangnya kepada Pengarah untuk pembatalan pada bila-bila masa sebelum tamat tempohnya.

(2) Pengarah hendaklah memberitahu Pengarah Mineral dan Geosains Negeri dan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri mengenai apa-apa pembatalan suatu lesen mendulang di bawah subperaturan (1).

Bab 4—Lesen Melombong Individu

Permohonan lesen melombong individu

17. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan suatu lesen melombong individu di bawah subseksyen 35(2) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 4 Jadual Ketiga.

(2) Pengarah boleh meminta pemohon mengemukakan maklumat yang difikirkan perlu.

(3) Fi yang kena dibayar untuk permohonan di bawah subperaturan (1) adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Kelulusan

18. Pengarah boleh melulus atau menolak suatu permohonan yang dibuat di bawah subperaturan 17(1) dalam tempoh dua puluh satu hari daripada tarikh penerimaan permohonan.

Fi pengeluaran

19. Fi yang kena dibayar di bawah subseksyen 35(4) Enakmen untuk pengeluaran suatu lesen melombong individu adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Syarat-syarat

20. Sebagai tambahan kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan dalam Enakmen, atau sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen melombong individu, pemegang lesen itu—

- (a) hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga dan menggunakan peralatan perlindungan peribadi yang bersesuaian dengan bahaya rupa bumi;
- (b) hendaklah mempunyai akses yang cepat dan mudah kepada alat pertolongan cemas yang sesuai;
- (c) hendaklah menu pang dinding suatu penggalian atau suatu parit yang digali yang kedalamannya melebihi satu (1) meter daripada permukaan kecuali kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah;
- (d) tidak boleh bekerja selepas senja kecuali dengan kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah;
- (e) tidak boleh menggunakan apa-apa bahan kimia yang merosakkan tumbuhan dan manusia kecuali dengan kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah; dan

- (f) tidak boleh melepaskan detritus, kotoran, lumpur atau sampah daripada aktiviti perlombongan ke dalam mana-mana sistem saliran atau anak sungai.

Penyerahan dan pembatalan

21. (1) Lesen melombong individu boleh diserahkan oleh pemegangnya kepada Pengarah untuk pembatalan pada bila-bila masa sebelum tamat tempohnya.

(2) Pengarah hendaklah memberitahu Pengarah Mineral dan Geosains Negeri dan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri mengenai apa-apa pembatalan suatu lesen melombong individu di bawah subperaturan (1).

Bab 5—Lesen Mencarigali Dan Lesen Penjelajahan

Peta Rasmi Tenemen Mineral dan Sistem Grid Berangka

22. (1) Suatu permohonan bagi mendapatkan suatu lesen mencarigali atau penjelajahan hendaklah menyatakan kawasan yang dipohon berdasarkan kepada kawasan-kawasan yang ada untuk dipohon sebagaimana yang dicartakan dalam Peta Rasmi Tenemen Mineral Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Peta Rasmi Tenemen Mineral adalah Siri (Baru) Peta Topografi Malaysia yang berskala 1:63,360 atau 1:50,000 yang di atasnya hendaklah mempunyai meterai rasmi dan tandatangan Pengarah pada penjuru kiri atas dan penjuru kanan bawah peta tersebut.

(3) Pengarah hendaklah menandakan di atas Peta Rasmi Tenemen Mineral:

- (a) tanah-tanah yang padanya lesen dan pajakan sedang berkuat kuasa;
- (b) tanah-tanah yang diwartakan sebagai kawasan padanya tenemen mineral tidak boleh dikeluarkan;
- (c) tanah-tanah yang diwartakan sebagai kawasan lesen melombong individu;
- (d) tanah-tanah yang diwartakan sebagai Taman Negeri atau Negara;
- (e) tanah-tanah yang diwartakan sebagai kawasan hutan simpan dan tanah-tanah rizab lain; dan
- (f) jika diketahui, mana-mana tanah berimilik, tanah pendudukan atau tanah lain yang memerlukan terma dan syarat khas dipenuhi sebelum kelulusan diberikan untuk menjalankan carigali dan/atau penjelajahan.

(4) Peta Rasmi Tenemen Mineral hendaklah disediakan untuk rujukan atas permintaan di pejabat Pengarah.

(5) Sistem Grid Berangka hendaklah disusun di atas Siri (Baru) Peta Topografi Malaysia berskala 1:63,360 atau 1:50,000.

(6) Sistem Grid Berangka hendaklah digunakan sebagai asas untuk penentuan sempadan lesen penjelajahan dan lesen mencarigali dan semua pengiraan yang berkaitan dengan keperluan perbelanjaan kerja.

(7) Unit asas bagi Sistem Grid Berangka hendaklah suatu blok 1000 meter kali 1000 meter dan hendaklah dinamakan satu unit dan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual kedua.

Sempadan

23. Semua sempadan bagi lesen penjelajahan dan lesen mencarigali hendaklah mengunjur tegak ke bawah.

Kawasan lesen mencarigali

24. (1) Keluasan minimum suatu kawasan lesen mencarigali adalah satu perempat unit (25 hektar) dan keluasan maksimum adalah empat unit (400 hektar).

(2) Suatu kawasan lesen mencarigali hendaklah, jika boleh, berbentuk segi empat tepat.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), bentuk suatu kawasan lesen mencarigali boleh menyimpang daripada suatu segi empat tepat untuk mengambilkira kawasan hakmilik bersempadan atau tanah-tanah lain yang mempunyai sekatan hakmilik.

Kawasan lesen penjelajahan

25. (1) Keluasan minimum suatu kawasan lesen penjelajahan adalah empat unit (400 hektar) dan keluasan maksimum adalah 200 unit (20,000 hektar).

(2) Suatu kawasan lesen penjelajahan hendaklah, jika boleh, berbentuk segi empat tepat dan panjangnya tidak boleh melebihi empat kali lebarnya.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), bentuk suatu kawasan lesen penjelajahan boleh menyimpang daripada suatu segi empat tepat untuk mengambilkira kawasan hakmilik bersempadan atau tanah-tanah lain yang mempunyai sekatan hakmilik.

Permohonan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan

26. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan di bawah subseksyen 41(1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 5A atau 6A Jadual Ketiga, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Fi yang kena dibayar untuk permohonan di bawah subperaturan (1) adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan hendaklah didaftarkan apabila pembayaran dibuat.

(3) Jika kawasan yang dipohon dalam permohonan bagi mendapatkan suatu lesen mencarigali atau penjelajahan di bawah subperaturan (1) bertindih, secara keseluruhan atau sebahagiannya, dengan suatu kawasan yang berkenaan dengannya suatu lesen mencarigali, lesen penjelajahan atau pajakan melombong sedang berkuat kuasa, atau dengan suatu kawasan lesen melombong individu atau dengan suatu kawasan yang ditutup kepada tenemen mineral, kawasan itu akan dikeluarkan daripada pertimbangan dan pemohon hendaklah diberitahu mengenai pertindihan itu dengan seberapa segera yang praktik oleh Pengarah.

(4) Semua permohonan bagi lesen mencarigali dan lesen penjelajahan hendaklah dipertimbangkan atas dasar suatu kelompok tiga bulan.

(5) Hari bekerja terakhir bagi setiap suku tahun dalam tahun kalendar adalah Tarikh Kelompok Suku Tahunan.

(6) Suatu permohonan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah dianggap mempunyai Tarikh Kelompok Suku Tahunan yang tempohnya berakhir dalam suku tahun permohonan itu didaftarkan.

Kelulusan

27. Jika sesuatu permohonan di bawah peraturan 26 diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik tentang keputusan itu.

Fi pengeluaran

28. (1) Fi yang kena dibayar di bawah subseksyen 41(7) Enakmen bagi pengeluaran suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Suatu fi pegangan tahunan, sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, hendaklah juga dibayar kepada Pengarah sebelum pengeluaran lesen mencarigali atau lesen penjelajahan di bawah subperaturan (1) dan pada atau sebelum setiap tarikh ulang tahun pengeluaran lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu.

Syarat lesen mencarigali

29. (1) Tertakluk kepada perenggan 41(7)(a) dan perenggan 42(1)(a) Enakmen, pemegang suatu lesen mencarigali—

(a) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan laporan kemajuan suku tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam Format 1 Jadual Keempat pada penghujung setiap suku tahun kalendar;

- (b) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan laporan akhir sebagaimana yang ditetapkan dalam Format 2 Jadual Keempat pada atau sebelum tarikh tamat lesen berkenaan;
 - (c) hendaklah membelanjakan pada setiap tahun, amaun yang ditetapkan dalam Jadual Kelima; dan
 - (d) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah setiap tahun, lima salinan kenyataan perbelanjaan dan pelepasan kerja tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang 5D Jadual Ketiga pada atau sebelum tarikh ulang tahun lesen itu.
- (2) Jika amaun yang dibelanjakan dalam mana-mana tahun melebihi perbelanjaan yang ditetapkan, amaun lebihan itu boleh digunakan untuk memenuhi keperluan perbelanjaan bagi tahun-tahun berikutnya.
- (3) Jika amaun yang dibelanjakan dalam mana-mana tahun kurang daripada keperluan perbelanjaan yang ditetapkan bagi memegang kawasan-kawasan yang ingin dikekalkan oleh pemegang mencarigali, pemegang lesen mencarigali itu, sebelum tarikh ulang tahun lesen mencarigali itu, hendaklah –
- (a) menentukan kawasan untuk pelepasan; dan/atau
 - (b) membuat suatu pembayaran tunai jumlah kekurangan yang tidak boleh dikembalikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di pejabat Pengarah, yang cukup untuk menampung jumlah kekurangan itu.

Syarat lesen penjelajahan

30. (1) Tertakluk kepada perenggan 41(7)(b) dan perenggan 42(1)(a) dan (e) Enakmen, pemegang suatu lesen penjelajahan –
- (a) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan laporan kemajuan suku tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam Format 3 Jadual Keempat pada penghujung setiap suku tahun kalender;
 - (b) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan laporan tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam Format 4 Jadual Keempat pada atau sebelum tarikh ulang tahun lesen itu;
 - (c) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan laporan akhir sebagaimana yang ditetapkan dalam Format 5 Jadual Keempat pada atau sebelum tarikh tamat lesen itu;
 - (d) hendaklah membelanjakan pada setiap tahun, amaun seperti yang ditetapkan dalam Jadual Keenam; dan
 - (e) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah setiap tahun, lima salinan kenyataan perbelanjaan dan pelepasan kerja sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang 6C Jadual Ketiga pada atau sebelum tarikh ulang tahun lesen itu.

(2) Jika amaun yang dibelanjakan dalam mana-mana tahun melebihi perbelanjaan yang ditetapkan, amaun lebihan itu boleh digunakan untuk memenuhi keperluan perbelanjaan untuk tahun-tahun berikutnya sehingga maksimum tiga (3) tahun berikut ke atas mana-mana unit.

(3) Jika amaun yang dibelanjakan dalam mana-mana tahun kurang daripada keperluan perbelanjaan yang ditetapkan bagi memegang kawasan-kawasan yang ingin dikekalkan, pemegang lesen penjelajahan itu, sebelum tarikh ulang tahun lesen penjelajahan itu, hendaklah—

(a) menentukan kawasan untuk pelepasan; dan/atau

(b) membuat suatu pembayaran tunai jumlah kekurangan yang tidak boleh dikembalikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di pejabat Pengarah, yang cukup untuk menampung jumlah kekurangan tersebut.

(4) Walau apa pun subperaturan (3), pembayaran tunai jumlah kekurangan yang tidak boleh dikembalikan berkenaan dengan mana-mana lesen penjelajahan tidak boleh lebih daripada dua tahun berturut-turut bagi lesen itu.

(5) Jika, akibat daripada pelepasan, unit-unit terpisah menjadi blok-blok yang tidak bersambung, unit-unit berkenaan hendaklah terus tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang sama dengan lesen penjelajahan asal seolah-olah unit berkenaan tidak dipisahkan.

Syarat berkanun lesen mencarigali atau lesen penjelajahan

31. Pemegang suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah di bawah perenggan 42(1)(c) Enakmen mematuhi standard alam sekeliling sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127].

Permohonan pembaharuan

32. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan pembaharuan suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan di bawah subseksyen 43(2) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 5B atau 6B Jadual Ketiga, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Tertakluk kepada subseksyen 43(3) Enakmen, permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah didaftarkan apabila pembayaran fi permohonan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat.

(3) Fi pengemukaan lewat di bawah perenggan 43(6)(i) Enakmen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama hendaklah dikenakan ke atas suatu permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) selepas tempoh minimum untuk memperbaharukan lesen itu telah luput sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen 43(2) Enakmen.

Kelulusan

33. Jika sesuatu permohonan di bawah peraturan 32 diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik tentang keputusan itu.

Permohonan lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras

34. (1) Jika, dalam tempoh lesen mencarigali yang diperbaharui, pemegang lesen boleh memberikan bukti kepada Pihak Berkuasa Negeri, bahawa suatu sasaran penjelajahan batuan keras yang sah telah ditentukan, dan sasaran itu memerlukan penjelajahan tambahan melampaui tarikh tamat lesen mencarigali yang diperbaharui, pemegang lesen mencarigali itu boleh di bawah subseksyen 45(1) Enakmen memohon untuk mendapatkan suatu lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras.

(2) Sesuatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam Borang 5C Jadual Ketiga dan hendaklah didaftarkan apabila pembayaran fi permohonan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat.

Kelulusan

35. Jika sesuatu permohonan di bawah subperaturan 34(1) diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik tentang keputusan itu.

Syarat lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras

36. Tertakluk kepada subseksyen 45(2) Enakmen, pemegang lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras hendaklah meneruskan dengan penjelajahan batuan keras di bawah terma dan syarat yang sama termasuklah keperluan pelaporan dan perbelanjaan, kecuali had kawasan minimum lesen penjelajahan tidaklah terpakai kepada lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras.

Fi pembaharuan atau peluasan

37. (1) Tertakluk kepada perenggan 46(1)(i) dan (ii) Enakmen, fi yang kena dibayar bagi pembaharuan suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan atau bagi suatu lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Tertakluk kepada perenggan 46(1)(ii) Enakmen, suatu fi pegangan tahun pertama, sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, hendaklah juga dibayar kepada Pengarah sebelum pengeluaran lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras itu.

Pelepasan sukarela

38. Pemberitahuan untuk melepaskan mana-mana kawasan mencarigali atau penjelajahan di bawah seksyen 50 Enakmen berkenaan dengan lesen yang telah diberikan hendaklah dibuat dalam Borang 5D atau 6C Jadual Ketiga mengikut mana-mana yang berkenaan.

Notis bagi penjelajahan lapangan

39. (1) Notis bagi permulaan penjelajahan lapangan berkaitan dengan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan di bawah subseksyen 52(3) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 7A Jadual Ketiga.

(2) Notis penemuan yang berkaitan dengan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan di bawah seksyen 53 Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 7B Jadual Ketiga.

(3) Notis yang perlu disampaikan atau menyebabkan notis itu disampaikan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada semua pihak yang dirujuk di bawah subseksyen 56(2) dan (3) Enakmen tentang niat Pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan berkenaan hendaklah dibuat dalam Borang 7C Jadual Ketiga.

(4) Notis yang menyatakan tindakan yang perlu diambil bagi meremedikan suatu kemungkiran atau pelanggaran di bawah perenggan 57(1)(b) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 7D Jadual Ketiga.

Penyerahan

40. (1) Pemegang suatu lesen mencarigali atau lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras atau lesen penjelajahan boleh pada bila-bila masa di bawah subseksyen 60(1) Enakmen menyerahkan lesen itu kepada Pengarah melalui permohonan dalam Borang 7E Jadual Ketiga.

(2) Fi yang kena dibayar bagi permohonan untuk menyerahkan lesen berkenaan di bawah subperaturan (1) adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Bab 6—Pajakan Melombong**Permohonan pajakan melombong**

41. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan suatu pajakan melombong di bawah subseksyen 63(1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 8A Jadual Ketiga.

(2) Fi yang kena dibayar bagi suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah direkodkan apabila pembayaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat.

Kelulusan

42. Jika sesuatu permohonan di bawah subperaturan 41(1) diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera praktik tentang keputusan itu.

Penukaran skala besar kepada skala kecil dan sebaliknya

43. (1) Tertakluk kepada subseksyen 63(10) dan (11) Enakmen, sesuatu permohonan bagi membuat penukaran suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar kepada suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil atau penukaran suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil kepada suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar hendaklah dibuat dalam Borang 8C atau 8D Jadual Ketiga mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Fi yang kena dibayar bagi suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah direkodkan apabila pembayaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat.

Fi pengeluaran

44. Fi yang kena dibayar di bawah perenggan 63(12)(a) Enakmen bagi pengeluaran suatu pajakan melombong adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Pembaharuan pajakan melombong

45. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan pembaharuan suatu pajakan melombong di bawah subseksyen 66(3) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 8B Jadual Ketiga.

(2) Fi yang kena dibayar bagi suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah direkodkan apabila pembayaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat.

(3) Fi pengemukaan lewat di bawah subseksyen 66(10) Enakmen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama hendaklah dikenakan ke atas suatu permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) selepas tempoh minimum untuk memperbaharukan pajakan itu telah luput sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen itu.

Syarat berkanun pajakan melombong

46. (1) Pemegang suatu pajakan melombong menurut perenggan 72(1)(b) Enakmen—

(a) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan laporan kemajuan suku tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam Format 6 Jadual Keempat pada penghujung setiap suku tahun kalender; dan

(b) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan laporan kerja tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam Format 7 Jadual Keempat pada atau sebelum tarikh ulang tahun pajakan melombong.

(2) Pemegang suatu pajakan melombong hendaklah di bawah perenggan 72(1)(d) Enakmen mematuhi standard alam sekeliling yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Kelulusan

47. Jika suatu permohonan di bawah peraturan 43 diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik tentang keputusan itu.

Notis

48. (1) Notis bagi permulaan kerja pembangunan dan perlombongan di bawah seksyen 74 Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 8E Jadual Ketiga.

(2) Notis yang perlu disampaikan atau menyebabkan notis itu disampaikan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada semua pihak yang dirujuk di bawah subseksyen 76(2) dan (3) Enakmen tentang niat Pihak Berkuasa Negeri untuk melucutkhakkan pajakan melombong berkenaan hendaklah dibuat dalam Borang 8F Jadual Ketiga.

(3) Notis yang menyatakan tindakan yang perlu diambil bagi meremedikan suatu kemungkinan atau pelanggaran di bawah perenggan 77(1)(b) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 8G Jadual Ketiga.

Penyerahan pajakan melombong

49. (1) Pemegang suatu pajakan melombong boleh pada bila-bila masa di bawah subseksyen 80(1) Enakmen menyerahkan pajakan berkenaan kepada Pengarah melalui permohonan dalam Borang 8H Jadual Ketiga.

(2) Fi yang kena dibayar bagi suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Bab 7—Lesen Melombong Tuan Punya

Permohonan lesen melombong tuan punya

50. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan suatu lesen melombong tuan punya di bawah subseksyen 81(1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 9A Jadual Ketiga.

(2) Fi yang kena dibayar bagi suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah direkodkan apabila pembayaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat.

Kelulusan

51. Jika sesuatu permohonan di bawah subperaturan 50(1) diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik tentang keputusan itu.

Fi pengeluaran

52. Fi yang kena dibayar di bawah subseksyen 81(10) Enakmen bagi pengeluaran suatu lesen melombong tuan punya adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Pembaharuan lesen melombong tuan punya

53. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan pembaharuan suatu lesen melombong tuan punya di bawah perenggan 82(1)(b) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 9B Jadual Ketiga.

(2) Fi yang kena dibayar bagi suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah direkodkan apabila pembayaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat.

(3) Fi pengemukaan lewat di bawah subseksyen 66(10) Enakmen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama hendaklah dikenakan ke atas suatu permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) selepas tempoh minimum untuk memperbaharukan lesen melombong tuan punya telah luput sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen itu.

Notis

54. (1) Notis yang perlu disampaikan atau menyebabkan notis itu disampaikan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada semua pihak yang dirujuk di bawah subseksyen 83(2) dan (3) Enakmen tentang niat Pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan lesen berkenaan hendaklah dibuat dalam Borang 9C Jadual Ketiga.

(2) Notis yang menyatakan tindakan yang perlu diambil bagi meredmedikan suatu kemungkiran atau pelanggaran di bawah perenggan 84(1)(b) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 9D Jadual Ketiga.

Penyerahan lesen melombong tuan punya

55. (1) Pemegang suatu lesen melombong tuan punya boleh pada bila-bila masa di bawah subseksyen 87(1) Enakmen menyerahkan lesen berkenaan kepada Pengarah melalui permohonan dalam Borang 9E Jadual Ketiga.

(2) Fi yang kena dibayar bagi permohonan di bawah subperaturan (1) adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

BAHAGIAN III

PAMPASAN

Permohonan pampasan

56. Bagi maksud subseksyen 92(6) Enakmen, permohonan bagi mendapatkan penentuan amaun pampasan hendaklah dibuat dalam Borang 10A Jadual Ketiga.

Penentuan amaun pampasan yang kena dibayar

57. (1) Menurut subseksyen 92(7) Enakmen dan apabila pembayaran fi yang kena dibayar dalam Jadual Pertama dibuat, Pengarah hendaklah menetapkan tarikh pendengaran dan memberitahu pihak-pihak yang terlibat mengenai pendengaran itu dalam Borang 10C Jadual Ketiga.

(2) Pengarah hendaklah mempunyai kuasa bagi memanggil dan memeriksa saksi, melaksanakan sumpah atau pengesahan, dan bagi menghendaki pengemukaan dan penyerahan dokumen.

(3) Dalam menjalankan suatu pendengaran di bawah peraturan ini, Pengarah hendaklah—

- (a) menentukan amaun pampasan yang kena dibayar, jika ada; dan
- (b) menyebabkan salinan keputusan itu dihantar kepada setiap pihak yang terjejas.

BAHAGIAN IV**OBLIGASI KEWANGAN****Kadar fi pegangan dan sewa**

58. Kadar fi pegangan dan sewa yang kena dibayar di bawah subseksyen 94(2) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Pembayaran fi pegangan dan sewa

59. Dalam menjalankan subseksyen 94(3) Enakmen:

- (a) suatu fi pegangan tahunan atau sewa dan setiap tahun selepasnya, sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, hendaklah dibayar kepada Pengarah sebelum pengeluaran lesen mencarigali atau lesen penjelajahan atau pajakan melombong;
- (b) fi pegangan atau sewa yang berkenaan dengan mana-mana kawasan yang dilesenkan atau dipajakkkan hendaklah kena dibayar daripada permulaan tahun kalendar yang padanya lesen mencarigali atau lesen penjelajahan atau pajakan melombong berkenaan dikeluarkan, atau, jika lesen atau pajakan berkenaan dikeluarkan selepas habisnya bulan September fi pegangan atau sewa itu hendaklah kena dibayar daripada permulaan tahun kalendar berikutnya;
- (c) fi pegangan atau sewa yang kena dibayar berkenaan dengan mana-mana tahun kalendar hendaklah kena dibayar secara sepenuhnya pada hari pertama tahun berkenaan dan, jika tidak dibayar sebelumnya, hendaklah dianggap bagi tujuan peraturan ini sebagai tertunggak pada hari pertama bulan Jun dalam tahun itu; dan

-
- (d) fi pegangan atau sewa hendaklah kena dibayar bagi keseluruhan tahun kalender yang padanya tempoh lesen mencarigali atau lesen penjelajahan atau pajakan melombong itu tamat.

Kadar royalti

60. Dalam menjalankan subseksyen 95(2) Enakmen, kadar royalti yang kena dibayar ke atas mana-mana mineral yang didapati adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Penentuan nilai pasaran mineral

61. (1) Kaedah bagi menentukan nilai pasaran suatu mineral hendaklah berdasarkan atas—

- (a) hasil jualan yang diperoleh oleh pemegang tenemen mineral;
- (b) rujukan kepada harga bulanan bagi mineral yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Mineral dan Geosains; atau
- (c) rujukan kepada siri harga yang diterbitkan bagi mineral itu yang diiktiraf secara meluas dan digunakan oleh masyarakat perlombongan antarabangsa sebagai harga rujukan.

(2) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menentukan kaedah bagi menentukan nilai pasaran sesuatu mineral.

Pembayaran royalti

62. (1) Pemegang suatu tenemen mineral, yang dikehendaki di bawah Enakmen untuk membayar royalti berdasarkan nilai mineral, hendaklah menjual atau memindahmilikkan mineral yang dikeluarkan pada harga yang mencerminkan keadaan pasaran dunia.

(2) Pemegang suatu tenemen mineral hendaklah dalam tempoh tujuh hari selepas tamatnya setiap bulan, menghantar kepada Pengarah, royalti dan suatu laporan bagi bulan kalender yang terdahulu yang menunjukkan dengan lengkap butir-butir yang dikehendaki untuk mengira royalti sedemikian, termasuk, jika berkenaan—

- (i) kuantiti mineral;
- (ii) terma dan pihak lain yang terlibat, mengenai apa-apa penjualan, pemindahmilikan, penghantaran atau lain-lain pelepasan mineral itu;
- (iii) nilai pasaran mineral itu;
- (iv) kaedah pengiraan nilai pasaran mineral itu termasuk butir-butir mengenai apa-apa kos yang ditolak untuk mengira nilai pasaran; dan

- (v) melaporkan apa-apa transaksi, pemindahmilikan, pengaturan dan urusniaga yang melibatkan syarikat gabungan berserta dengan dokumen sokongan yang berkaitan.

Notis tuntutan tunggakan sewa, fi dan royalti

63. Jika apa-apa sewa, fi atau royalti yang kena dibayar di bawah Bahagian VII Enakmen tertunggak, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menyampaikan atau menyebabkan disampaikan kepada pemegang tenemen mineral yang berkenaan di bawah subseksyen 98(1) Enakmen—

- (a) suatu notis bagi menuntut tunggakan fi pegangan dalam Borang 11A Jadual Ketiga;
- (b) suatu notis bagi menuntut tunggakan sewa tanah dalam Borang 11B Jadual Ketiga; dan
- (c) suatu notis bagi menuntut tunggakan royalti dalam Borang 11C Jadual Ketiga.

BAHAGIAN V**PERUNTUKAN MENGENAI AIR****Permohonan lesen air**

64. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan suatu lesen air di bawah subseksyen 100(1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 12A Jadual Ketiga.

(2) Fi yang kena dibayar bagi suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah direkodkan apabila pembayaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat.

Kelulusan

65. Jika sesuatu permohonan di bawah subperaturan 64(1) diluluskan atau ditolak oleh Penguasa Lombong, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik tentang keputusan itu.

Fi pengeluaran

66. Fi yang kena dibayar di bawah subseksyen 100(5) Enakmen bagi pengeluaran suatu lesen air adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Permohonan permit air

67. (1) Sesuatu permohonan bagi suatu permit air di bawah subseksyen 101(1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 12B Jadual Ketiga.

(2) Fi yang kena dibayar bagi suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah direkodkan apabila pembayaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat.

Kelulusan

68. Jika sesuatu permohonan di bawah subperaturan 67(1) diluluskan atau ditolak oleh Pengguna Lombong, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik tentang keputusan itu.

Fi pengeluaran

69. Fi yang kena dibayar di bawah subseksyen 101(2) Enakmen bagi pengeluaran suatu permit air adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Permohonan pembaharuan permit air

70. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan pembaharuan suatu permit air di bawah perenggan 101(3)(a) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 12B Jadual Ketiga.

(2) Fi yang kena dibayar bagi suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah direkodkan apabila pembayaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat.

Kelulusan

71. Jika sesuatu permohonan di bawah subperaturan 70(1) diluluskan atau ditolak oleh Pengguna Lombong, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik tentang keputusan itu.

Notis untuk meremedikan kemungkirian atau pelanggaran

72. Notis yang menyatakan tindakan yang perlu diambil bagi meremedikan suatu kemungkirian atau pelanggaran di bawah perenggan 106(1)(b) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 12C Jadual Ketiga.

Permohonan pampasan

73. Sesuatu permohonan bagi mendapatkan pampasan di bawah subseksyen 110(3) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 10A Jadual Ketiga.

Penentuan pampasan

74. Dalam menentukan amaun pampasan yang kena dibayar di bawah subseksyen 110(3) Enakmen, Pengarah atau Pengguna Lombong, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah tertakluk kepada tatacara yang dinyatakan di bawah Bahagian III Peraturan-Peraturan ini.

Permohonan untuk mengubah atau mengganggu tebing sungai

75. (1) Sesuatu permohonan untuk mengubah atau mengganggu tebing mana-mana sungai di bawah subseksyen 111(2) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 12D Jadual Ketiga.

(2) Fi permohonan bagi suatu permohonan di bawah subperaturan (1) adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Permohonan untuk mengubah atau mengganggu anak sungai atau alur air yang lebarnya tidak melebihi lima meter

76. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan kebenaran bagi mengubah atau mengganggu tebing mana-mana anak sungai atau alur air yang lebarnya tidak melebihi lima meter di antara tebing-tebingnya di bawah subseksyen 111(4) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 12E Jadual Ketiga.

(2) Fi bagi suatu permohonan di bawah subperaturan (1) adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Standard air

77. Dalam menjalankan subseksyen 113(1) Enakmen, pemegang suatu tenemen mineral yang menggunakan air berhubung dengan pengendalian perlombongan hendaklah mematuhi standard alam sekeliling yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

BAHAGIAN VI

MEREKOD DANPENDAFTARAN

Fi pengeluaran

78. Fi yang kena dibayar di bawah subseksyen 116(3) Enakmen hendaklah juga dikenali sebagai fi pengeluaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Akuan penerimaan

79. Akuan penerimaan di bawah seksyen 121 Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 13A Jadual Ketiga.

Fi pemeriksaan

80. Fi pemeriksaan bagi apa-apa daftar suatu tenemen mineral dan lesen air dan permit air di bawah seksyen 125 Enakmen, selain suatu pajakan melombong, adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

BAHAGIAN VII

PEMULIHAN

Notis tuntutan bagi sejumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Lombong

81. Notis tuntutan bagi sejumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Lombong di bawah perenggan 128(1)(a) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 13B Jadual Ketiga.

Pembayaran sejumlah wang tahunan ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama

82. (1) Sejumlah wang tahunan yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama di bawah perenggan 129(4)(b) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Dalam menjalankan subseksyen 129(11) Enakmen, sejumlah wang di atas hendaklah kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri sebelum pengeluaran suatu pajakan melombong dan pada atau sebelum setiap tarikh ulang tahun pajakan melombong yang telah dikeluarkan.

Notis tuntutan bagi sejumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama

83. Notis tuntutan bagi sejumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama di bawah perenggan 130(1)(a) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 13C Jadual Ketiga.

BAHAGIAN VIII

AM

Pergerakan bijih mineral

84. (1) Dalam menjalankan perenggan 165(1)(f) Enakmen, pemilik apa-pa bijih mineral yang didapati daripada tanah yang dipegang di bawah pajakan melombong, lesen melombong tuan punya, lesen penjelajahan atau lesen mencarigali hendaklah menyimpan satu buku akaun pengeluaran yang dalamnya pemilik itu hendaklah membuat rekod sebenar pada penutup setiap hari mengenai butir-butir berikut—

- (a) berat kasar bijih yang disimpan di lombongnya;
- (b) berat bijih kering bersih yang dikeluarkan daripada tanah;
- (c) berat kasar bijih yang dijual; dan
- (d) berat kasar bijih yang dimiliki olehnya dan disimpan di tempat lain.

(2) Buku itu tidak boleh dimusnahkan sehingga suatu selang masa selama dua (2) tahun selepas berakhirnya tahun semasa apabila kemasukan yang terakhir dibuat telah luput.

(3) Bijih mineral yang didapati di bawah suatu lesen mendulang atau lesen melombong individu hendaklah diiringi dengan lesen yang di bawahnya bijih itu didapati apabila bijih itu dialih, diangkut, dihantar atau dieksport.

(4) Bijih mineral yang didapati daripada tanah di bawah suatu pajakan melombong, lesen melombong tuan punya, lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah diiringi dengan suatu dokumen perjalanan, sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang 13D Jadual Ketiga, yang dikeluarkan oleh

pemegang pajakan melombong, lesen melombong tuan punya, lesen mencarigali atau lesen penjelajahan yang mengandungi maklumat berkaitan dengan pemilik, butir-butir bijih mineral itu, butir-butir pengangkutan, tempat tujuan dan orang yang menerima penghantaran itu.

Kesalahan yang boleh dikompaun

85. (1) Tertakluk kepada subseksyen 174(1) Enakmen, setiap orang boleh dikompaunkan kerana pelanggaran atau kegagalan mematuhi seksyen 150 hingga 164 Enakmen.

(2) Suatu notis yang memaklumkan niat untuk mengkompaunkan apa-apa kesalahan hendaklah dibuat dalam Borang 14A Jadual Ketiga oleh mana-mana pegawai diberi kuasa.

(3) Berikutan dengan pengeluaran notis berkenaan, suatu tawaran untuk mengkompaun hendaklah dibuat dalam Borang 14B Jadual Ketiga oleh Pengarah.

(4) Penerimaan tawaran untuk mengkompaun hendaklah dibuat dalam Borang 14C Jadual Ketiga.

(5) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan diterima, pembayaran hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam bentuk wang tunai, kiriman wang, arahan pos atau draf bank yang kena dibayar kepada Pengarah.

(6) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran untuk mengkompaun tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran, atau apa-apa perlanjutan tempoh tawaran itu yang diberikan oleh Pengarah, pendakwaan ke atas kesalahan hendaklah dijalankan tanpa notis selanjutnya diberi.

Pemindahan kapal korek

86. Dalam menjalankan subseksyen 185(1) Enakmen:

- (a) untuk tujuan mendapatkan suatu lesen bagi memindahkan kapal korek, permohonan bagi suatu siasatan hendaklah dibuat dalam Borang 10B Jadual Ketiga;
- (b) fi permohonan bagi menjalankan suatu siasatan adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama; dan
- (c) fi untuk pengeluaran suatu lesen bagi memindahkan kapal korek adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Notis mengenai siasatan dan notis tambahan lain

87. Notis mengenai siasatan dan notis tambahan lain di bawah perenggan 186(3)(b) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 10C Jadual Ketiga.

ENAKMEN MINERAL 2002**Peraturan-Peraturan Mineral (Perlis) 2017****JADUAL PERTAMA****FI/ROYALTI****FI**

| Bil. | Perkara | Peraturan-Peraturan | Borang | Fi (RM) |
|------|--|---------------------|---------|---------|
| 1. | Pelesenan: Permohonan baru/ Permohonan pembaharuan— | | | |
| | (a) Lesen Memfosik | 7(3) | 2 | 10.00 |
| | (b) Lesen Mendulang | 12(3) | 3 | 10.00 |
| | (c) Lesen Melombong Individu | 17(3) | 4 | 50.00 |
| | (d) Lesen Mencarigali | 26(2) & 32(2) | 5A & 5B | 200.00 |
| | (e) Lesen Mencarigali dengan Peluasan Batuan Keras | 34(2) | 5C | 200.00 |
| | (f) Lesen Penjelajahan | 26(2) & 32(2) | 6A & 6B | 300.00 |
| | (g) Pajakan Melombong | 41(2) & 45(2) | 8A & 8B | 300.00 |
| | (h) Lesen Melombong Tuan Punya | 50(2) & 53(2) | 9A & 9B | 200.00 |
| | (i) Lesen Air | 64(2) | 12A | 50.00 |
| | (j) Permit Air | 67(2) | 12B | 50.00 |
| | (k) Lain-lain lesen yang tidak diperuntukkan | | | 200.00 |
| 2. | Pelesenan: Pengeluaran/Penyediaan/ Pelanjutan/Pembaharuan— | | | |
| | (a) Lesen Memfosik | 9 | | 20.00 |
| | (b) Lesen Mendulang | 14 | | 50.00 |

| Bil. | Perkara | Peraturan-Peraturan | Borang | Fi (RM) |
|------|--|---------------------|--------|---------|
| | (c) Lesen Melombong Individu | 19 | | 100.00 |
| | (d) Lesen Mencarigali | 28(1) & 37(1) | | 300.00 |
| | (e) Lesen Mencarigali dengan Peluasan Batuan Keras | 37(1) | | 300.00 |
| | (f) Lesen Penjelajahan | 28(1) & 37(1) | | 500.00 |
| | (g) Pajakan Melombong | 44 | | 500.00 |
| | (h) Lesen Melombong Tuan Punya | 52 | | 500.00 |
| | (i) Lesen Air | 66 | | 100.00 |
| | (j) Permit Air | 69 | | 50.00 |

3. Fi Pengemukaan Lewat:

| | | |
|--|---------------|-----------|
| (a) Permohonan Pembaharuan Pajakan Melombong/ Lesen Melombong Tuan Punya | 45(3) & 53(3) | 50,000.00 |
| (b) Permohonan Pembaharuan Lesen Mencarigali/Lesen Penjelajahan/Lesen Mencarigali dengan Peluasan Batuan Keras | 32(3) | 20,000.00 |

| | | | |
|------------------|----------------------|-------------|-------|
| 4. Fi Penyerahan | 40(2), 49(2) & 55(2) | 7E, 8H & 9E | 50.00 |
|------------------|----------------------|-------------|-------|

5. Permohonan untuk:

| | | | |
|-------------------------------------|-------|-----|--------|
| (a) Pemindahmilikan Tenemen Mineral | 2(2) | 1 | 100.00 |
| (b) Pampasan | 57(1) | 10A | 20.00 |

| Bil. | Perkara | Peraturan-Peraturan | Borang | Fi (RM) |
|------|--|---------------------|--------|-----------------|
